

# Program pertanian bandar perlu kebenaran PBT

BILAKRIAN  
26/2/19  
MS 5

**Melaka:** Penduduk yang mahu menyertai program pertanian bandar perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT) terlebih dulu, sekiranya bercadang menggunakan kawasan tanah lapang di taman perumahan bagi tujuan itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata beliau memang menyambut baik langkah kerajaan menggalakkan PBT melaksanakan program itu.

## Manfaat tanah

"Pertanian bandar sudah ada dalam Local Agenda 21 (LA21) di semua negeri, yang mana kita menggalakkan tanah di kawasan bandar dimanfaatkan PBT bagi membolehkan cucuk tanam dibuat secara berkelompok atau individu.

"Bagaimanapun, jika ada tanah yang mereka (penduduk) cadangkan (untuk kegunaan pertanian bandar), mesti mendapatkan kelulusan PBT.

"Jika di belakang rumah penduduk sendiri, tidak mengapa, tetapi kawasan lapang (pentadbiran PBT) perlu mendapat kelulusan bagi mengelakkan tanaman haram," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kad Pintar Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), di sini, semalam.

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew, serta Yang Dipertua MPHTJ, Mahani Masban, turut hadir.

Zuraida mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub kelmarin, bahawa PBT digalakkan melaksanakan program pertanian bandar, terutama bagi penduduk di taman perumahan yang ada kawasan terhad untuk bercucuk tanam.

## Bayar bil guna kad pintar

Sementara itu, beliau berkata, penggunaan kad pintar yang memperkenalkan sistem pembayaran bil secara elektronik, hasil inisiatif MPHTJ bukan sahaja boleh diperluaskan ke seluruh Melaka, tetapi juga di beberapa negeri lain.

"Mekanisme ini boleh diguna pakai di kawasan luar bandar di negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Selangor kerana ia bukan sahaja memudahkan tetapi juga menjimatkan masa serta kos," katanya.